

07 OCT 2003

ASEAN-GETAH

KONSORTIUM GETAH BERI FAEDAH KEPADA LEBIH 10 JUTA PEKEBUN KECIL

Oleh: Salbiah Said & Openg Onn

NUSA DUA (Bali), 7 Okt (Bernama) -- Malaysia, Thailand dan Indonesia, telah memeterai Perjanjian Pemegang Saham untuk penubuhan International Rubber Consortium Ltd (IRCo) yang akan merangka mekanisma ke arah menstabilkan harga getah, seterusnya ia dijangka memberi manfaat kepada lebih 10 juta pekebun kecil.

"Kita akan bertindak tegas, dan merangka mekanisma yang betul yang melibatkan perdagangan dan latihan yang sesuai," kata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik kepada pemberita malam tadi selepas majlis pemeeterian perjanjian itu bagi pihak Kerajaan Malaysia, di sini.

Di majlis itu, Indonesia diwakili oleh Menteri Perdagangan Sumarno Soewandi manakala Thailand diwakili oleh Menteri Pertanian dan Korperasi Sora-at Klinpratoom. Pemeeterian perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari Malaysia, Presiden Megawati Soekarnoputri dari Indonesia dan Perdana Menteri Dr Thaksin Shinawatra dari Thailand.

Dr Lim berkata konsortium itu mempunyai modal permulaan AS\$4.5 juta (AS\$1=RM3.8), di mana Thailand akan menyumbang AS\$2 juta, Indonesia AS\$1.5 juta dan Malaysia AS\$1 juta.

Empat anggota lembaga IRCo datang dari Thailand, tiga dari Indonesia dan dua dari Malaysia.

Thailand, Indonesia dan Malaysia merupakan tiga negara pengeluar getah terbesar dunia. Pengeluaran getah Thailand ialah antara 2.0 juta dan 2.4 juta tonne setahun dengan 90 peratus daripadanya dieksport, Indonesia antara 1.4 juta dan 1.5 juta tonne dan Malaysia di sekitar 600,000 tonne.

Menurut kenyataan bersama para menteri, kerjasama getah tiga pihak itu mesti memastikan "harga getah yang adil dan bermanfaat kepada lebih 10 juta pekebun kecil". Ia turut memberi penekanan kepada kehendak politik dan kerjasama erat di kalangan negara yang terlibat dalam menengani isu-isu yang berkaitan dengan getah.

Menurutnya, pertemuan pemegang saham yang pertama akan diadakan tidak lama lagi untuk menubuhkan IRCo di Thailand.

Dr Lim menjelaskan bahawa penubuhan konsortium itu bukan bermatlamat untuk merangsang harga ke paras yang tidak munasabah. "Kita tidak mahu harga yang terlalu tinggi atau terlalu rendah," katanya.

"Kita akan memantau harga getah asli dan membandingkannya dengan getah sintetik kerana kedua-duanya amat berdaya saing, khususnya penggunaan dalam industri tayar," katanya.

Beliau turut menyatakan keyakinan bahawa apabila mekanisma penstabilan harga diwujudkan, harga getah akan meningkat kepada paras yang munasabah.

Ketiga-tiga negara Asean itu telah cuba sejak 2001 untuk menubuhkan konsortium berkenaan dalam usaha untuk merangsang harga komoditi yang lemah dan telah menjunam ke paras terendah dalam 30 tahun.

Dr Lim berkata harga getah sejak itu telah pulih daripada AS\$0.48 sekilogram pada 2001 kepada AS\$1.15 hingga AS\$1.17 sekarang.

Para menteri dalam kenyataan bersama mereka juga mengulangi bahawa pelaksanaan langkah-langkah yang dipersetujui di bawah Deklarasi Bali yang dimeterai pada 12 Dis. 2001 masih menjadi tonggak utama kerjasama. Langkah-langkah itu ialah Skim Pengurusan Bekalan (SMS) dan Skim Jumlah Eksport Dipersejuti (AETS).

IRCo juga akan memberikan perkhidmatan profesional dan sekretariat kepada Majlis Getah Tiga Pihak Antarabangsa (ITRC) yang bertanggungjawab

menyelaras dan menyelia pelaksanaan langkah-langkah penyelarasan eksport dan pengeluaran.

Para menteri turut menyeru negara pengeluar getah lain menyertainya dalam usaha untuk merasionalisasikan pengeluaran getah bagi menaikkan harga getah ke paras yang adil dan bermanfaat untuk faedah semua pengeluar, khususnya pekebun kecil yang bergantung hidup kepada getah.

Dalam konteks ini, mereka menyeru anggota lain Persatuan Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) supaya menyertai mereka demi daya maju ekonomi dan kemampanan industri getah.

Thailand telah bersetuju menjadi tuan rumah mesyuarat peringkat menteri ANRPC tahun depan. -- BERNAMA

SS OPP SD JR